


IQRA'

BIL. 10/2025
OKTOBER



Pelantar Akses Terbuka Sebagai Medium Alternatif, Bantu Pelajar Kolej KETENGAH Cari Maklumat

Tarikh : 8 Oktober 2025

Masa : 2.30pm

Lokasi : Auditorium Kolej KETENGAH UiTM Cawangan Terengganu



Perpustakaan Cendekiawan UiTMCT Kampus Dungun telah mengadakan Bengkel Pencarian Maklumat Menggunakan Pangkalan Data Akses Terbuka bersama pelajar Kolej KETENGAH sebagai salah satu inisiatif untuk meningkatkan kemahiran literasi maklumat dan penyelidikan dalam kalangan pelajar sebagai alternatif pencarian maklumat di samping menggunakan pangkalan data langganan kolej mereka.

Bengkel ini merupakan jalinan kerjasama strategik antara Perpustakaan Cendekiawan UiTMCT dan Perpustakaan Kolej KETENGAH diadakan bertempat di Auditorium Kolej KETENGAH bermula jam 2.30 petang hingga 4.30 petang dan telah disertai seramai 375 orang pelajar. Pengisian telah disampaikan oleh Cik Asmahani binti Abdullah, Timbalan Ketua Pustakawan (M) (KUP), dan turut dibantu oleh Puan Hafsa Mustafa, Puan Nur Rohaya Razali, dan En. Ahmad Fathi Azhari Azmi.

Pengisian bengkel ini memberi pendedahan kepada pelajar mengenai kaedah pencarian maklumat secara efektif melalui pelbagai pangkalan data akses terbuka yang tersedia dalam talian, sebagai alternatif penggunaan pangkalan data langganan kolej mereka, seperti UiTM Institutional Repository, U-Pustaka, Science Direct Open Access, Taylor & Francis, OA.mg, Open Access Journal Indexed in Scopus, Google Scholar, DOAJ (Directory of Open Access Journals) dan ERIC, serta teknik-teknik pencarian berkesan. Juga diterangkan senarai kemudahan dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh Perpustakaan UiTM kepada komuniti setempat.

Secara keseluruhannya, bengkel ini telah berjalan dengan lancar dan mencapai objektif yang ditetapkan. Para pelajar menunjukkan minat dan penglibatan aktif sepanjang sesi berlangsung. Berdasarkan maklum balas, majoriti peserta menyatakan bahawa mereka memperoleh pengetahuan dan kemahiran baharu dalam pencarian maklumat menggunakan pangkalan data yang sahih dan berkualiti.

BULETIN IQRA

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
SHAH ALAM



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Perpustakaan
Tun Abdul Razak



@libraryuitm



@libraryuitm



@perpustakaanuitm



@uitmlibrary



@perpustakaanuitm

Hubungi kami:



03 5521 1704



korporatptar@uitm.edu.my



Unit Korporat dan Kolaborasi,
Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR),
UiTM Shah Alam.



library.uitm.edu.my